

# UMP anjur pertandingan memancing

BUAT julung-julung kali, Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Pertandingan Memancing Terbuka di Tasik UMP, Pekan, Pahang esok.

Juara pertandingan yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP serta Oishi Green Tea dan Igloo-UFL itu akan membawa pulang wang tunai RM7,000, naib juara (RM3,000) dan tempat ketiga (RM1,000).

Yuran penyertaan hanya RM40 bagi sebatang joran dan sebanyak 300 helai kemeja-T percuma disediakan untuk pendaftaran terawal. Pendaftaran boleh dibuat di lokasi acara pada pukul 3 petang hingga pukul 10 malam ini.

Peserta juga berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah cabutan bertuah termasuk sebuah televisyen 32 inci pada hari tersebut.

## INFO

Tempat: Tasik UMP, Pekan, Pahang

Tarikh: 16 September 2017

Masa: 8 pagi hingga 12 tengah hari

Telefon: 013-305 2811,

012-264 1503, 013-266 7011

Laman web: [facebook.com/jorankl](https://www.facebook.com/jorankl)



**NAIB Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim (kiri) bersama Ketua Timbalan Pendaftar Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP, Datin Fazia Ali (kanan) melepaskan satu tan ikan patin, tilapia merah dan keli pelbagai saiz di Tasik UMP, Pekan, untuk direbut kaki pancing esok.**

KOSMO (ACARA) 15/9/2017 (JUMABAT) M/S : 26